

**MAJLIS POLEMIC SEJARAH MALAYSIA  
SESI KE-46**

**“HARI KEMERDEKAAN ATAU HARI KEBANGSAAN?”**

**Tajuk:**

**MENGIMBAU PERJUANGAN RAKYAT  
SARAWAK DAN SABAH MENUJU  
KEMERDEKAAN**

**Oleh:**

**Dr. Suffian Mansor**

**14 September 2021 (Selasa)**

**Anjuran:**

**ARKIB NEGARA MALAYSIA**

# **Mengimbau Perjuangan Rakyat Sarawak dan Sabah Menuju Kemerdekaan**

Oleh:

Dr. Suffian Mansor  
Program Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

Penduduk Sarawak dan Sabah mempunyai semangat perjuangan yang kental untuk mempertahankan tanah air mereka. Sejak kehadiran kuasa Barat iaitu Keluarga Brooke dan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) bertapak di kedua-dua wilayah ini, telah ada bibit-bibit penentangan ke atas penjajah Barat ini. Perubahan masa membawa kepada gerakan bersifat kesedaran anak bangsa tetapi diganggu oleh pendudukan Jepun. Akibatnya mereka mengangkat senjata melawan tentera Jepun. Usaha memerdekakan wilayah ini berterusan dengan beberapa lagi usaha penentangan bersifat demonstrasi di Sarawak dan berpersatuan di Sabah selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Walaupun kuasa Barat ini sukar digugat tetapi perjuangan diteruskan dengan cara aman apabila Malaysia diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman. Dalam hal ini ada pihak curiga tentang rancangan ini. Namun ramai yang melihatnya satu usaha yang baik untuk membebaskan dua wilayah ini merdeka kerana beberapa perkara melindungi hak wilayah ini dipersetujui. Akhirnya usaha mereka tidak sia-sia apabila rancangan Malaysia mendapat sambutan walaupun dalam keadaan dimana adanya pemberontakan di Brunei yang melimpah ke Sarawak dan Sabah, dan konfrantasi dilancarkan oleh Indonesia. Manakala Filipina meneruskan tuntutan terhadap Sabah sebagai wilayahnya dengan cara protest diplomasi.

Kata kunci: Penjajah, Sarawak, Sabah, Merdeka, Malaysia

## **Pengenalan**

Apabila bercakap tentang makna merdeka secara umumnya adalah satu situasi dimana seseorang, atau sesebuah bangsa atau negara itu bebas dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam konteks negara yang dijajah ia merupakan satu keadaan dimana negara itu bebas memerintah sendiri, tanpa kawalan dari mana-mana pihak dan mempunyai kedaulatan sebagai sebuah negara. Hal ini merupakan idaman bagi negara yang dikuasai oleh penjajah asing. Suasana dijajah kebiasaannya membawa kepada kebajikan penduduk terbiar, anak watan ketinggalan dalam arus pembangunan dan menjadi penduduk patuh kepada arahan kuasa asing. Manakala kuasa asing mengaut keuntungan di bumi mereka. Fenomena seumpama ini telah berlaku sejak abad ke-16 di Alam Melayu apabila Portugis menawan Melaka. Ia

beransur-ansur menekan wilayah lain di Alam Melayu sehingga keseluruhan Alam Melayu dikuasai oleh kuasa-kuasa Barat.

Dalam keadaan ini Sarawak dan Sabah juga tidak terkecuali menjadi sebahagian daripada wilayah rebutan kuasa asing. Oleh itu kehadiran kuasa asing ini disangsi oleh sebahagian besar penduduk tempatan di dua wilayah ini sehingga membawa kepada usaha melawan mereka. Hal ini nampak jelas di awal pertapakan kuasa asing ini. Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada usaha membebaskan diri daripada penjajah walaupun dengan berperang. Walaupun usaha ini tidak berjaya mengusirkan kuasa asing tetapi semangat untuk merdeka tetap wujud dalam kalangan penduduk Sarawak dan Sabah. Usaha diteruskan dengan pelbagai cara untuk memerdekakan wilayah mereka. Sebelum menyentuh soal penentangan ini perlu dibicarakan dahulu tentang kedatangan kuasa asing ke Sarawak dan Sabah.

### **Penjajahan Kuasa Asing**

Bentuk penjajahan awal di Sarawak dan Sabah nenampakkan perbezaan seperti di wilayah-wilayah lain di Asia Tenggara. Jikalau di Tanah Melayu jelas bahawa entiti negara menguasai wilayah tersebut seperti Portugis, Belanda dan British. Manakala di Jawa, Sumatera, Kalimantan dan beberapa lagi pulau di Indonesia pula adanya penjajah Belanda. Di Myanmar juga keadaan serupa apabila British menjadi penjajah mereka. Perancis pula menguasai kawasan Indo-China. Sepanyol kemudian Amerika Syarikat pula menjadi penjajah kepada Kepulauan Filipina. Namun di Sarawak dan Sabah keadaan penjajahnya berbeza. Ini kerana bentuk kuasanya berbeza iaitu di Sarawak dikawal oleh sebuah keluarga orang putih iaitu keluarga Brooke. Manakala di Sabah pula sebuah syarikat menguasainya iaitu Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

Pemulaan penjajahan di Sarawak ini bermula dengan kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1839.<sup>1</sup> Beliau kemudiannya diberi hak memerintah Sarawak oleh Pengiran Muda Hashim pada 24 September 1841 atas jasa beliau menyelesaikan perbalahan antara penduduk Sarawak dengan pemerintah Brunei.<sup>2</sup> Pada 14 Julai 1842, James Brooke mendapat pekenan Sultan Brunei untuk memerintah Sarawak.<sup>3</sup> Bermula dari tarikh itu keluarga Brooke memerintah Sarawak selama kira-kira 100 tahun. Dalam tempoh itu juga mereka meluaskan wilayah Sarawak dari Tanjung Datu hingga ke Lawas.<sup>4</sup>

Manaka Sabah pula bermula dengan pajakan dibuat oleh Sultan Brunei kepada konsul Amerika Syarikat iaitu Charles Lee Moses. Moses mendapat hak itu pada tahun 1865. Beliau kemudiannya menjual pajakan ini kepada William Torrey,

---

<sup>1</sup> S. Baring-Gould and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak under Two White Rajahs 1839-1908*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm.70-71

<sup>2</sup> Robert Pringle, *Rajah and Rebels: The Iban of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2010, hlm.70.

<sup>3</sup> S. Baring-Gould and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak under Two White Rajahs 1839-1908*, hlm.88.

<sup>4</sup> Leonard Edwards and Peter Stevens, *Short Histories of the Lawas and Kanowit Districts*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1971, hlm.30.

Thomas B. Harris dan Wo Hang.<sup>5</sup> Akibat kerugian pelaburan di Ellena maka pajakan itu dijual pula kepada Baron von Overbeck pada tahun 1875. Selepas itu kerjasama Overbeck dengan Alfred Dent pula membawa kepada pembentukan SBUB pada tahun 1882 yang mendapat piagam daripada pihak British.<sup>6</sup>

Kedua-dua bentuk penjajahan ini diperkukuhkan dengan penguasaan British menerusi bidang pertahanan dan hubungan luar menerusi Perjanjian Naungan 1888.<sup>7</sup> Kehadiran kedua-dua kuasa baharu ini menimbulkan rasa curiga, bantahan dan reaksi balas penduduk tempatan. Hal ini boleh dilihat wujudnya pelbagai kebangkitan pemimpin tempatan.

### **Mempertahankan Hak dan Budaya**

Pada peringkat awal perjuangan mempertahankan pemerintahan tempatan merupakan salah satu ciri penting bagi pejuang-pejuang melawan pemerintahan kuasa asing di Sarawak dan Sabah. Hal ini jelas berlaku terhadap usaha menentang pihak penjajah yang disandarkan oleh Rentap, Sharif Masahor, Panglima Samah, Mat Salleh dan Antenom. Mereka ini melihat berlaku pencerobohan kuasa asing ke atas wilayah yang mereka kuasai. Malahan perlu tunduk kepada kuasa asing ini yang mempunyai budaya berlainan dengan mereka.

Kerajaan Brooke misalnya mencerooboh kawasan yang bukan di bawah kekuasaannya apabila melakukan usaha penghapusan perlanunan sejak taun 1844 sehingga 1849. Walau bagaimanapun Sultan Brunei memberi hak kepada James Brooke untuk mengutip cukai bagi pihak Brunei.<sup>8</sup> Namun beliau menggunakan peluang ini untuk menumpaskan pihak yang tidak akur dengan pemerintahannya. Hal ini berlaku apabila kubu Sharif Sahap dan Sharif Mullar diserang oleh beliau.<sup>9</sup> Usaha menumpaskan musuh kuasa asing berterusan dan kali ini jauh di utara Borneo iaitu di Marudu. Salah seorang pemimpin tempatan dikaitkan dengan tuduhan lanun iaitu Sharif Usman telah diserang pada tahun 1845. Sharif Usman mengalami kekalahan dan sempat melarikan diri.<sup>10</sup>

Penguasaan penjajahan ini tidak ini juga bersifat tidak menghormati para pemimpin ini apabila terus mendirikan pentadbirannya di kawasan pemimpin tempatan yang lama berkuasa. Penyerahan wilayah oleh Sultan Brunai kepada kedua-dua kuasa di Sarawak dan Sabah ini mengganggu urusan pentadbiran pemimpin ini. Penentangan Rentap misalnya tidak akur dengan pentadbiran Brooke kerana merasakan Brooke sebagai pihak asing yang cuba campurtangan dalam wilayah beliau. Rentap juga mengambil jalan keras apabila tidak mahu tunduk keatas pemerintahan Brooke

---

<sup>5</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm.8.

<sup>6</sup> James P. Ongkili, "Historical Background", Anwar Sullivan and Cecilia Leong, *Commemorative History of Sabah*, Kota Kinabalu: Sabah State Govt., 1981, hlm.xxviii

<sup>7</sup> R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993, hlm.11.

<sup>8</sup> Robert Pringle, *Rajah and Rebels: The Iban of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*, hlm.93.

<sup>9</sup> S. Baring-Gould and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak under Two White Rajahs 1839-1908*, hlm.116.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm.125.

apabila Brooke cuba berunding dengan beliau pada tahun 1853.<sup>11</sup> Atas sebab itu perang meletus antara kedua-dua pihak berseteru. Dasar tidak akurnya Rentap kepada pemerintahan Brooke ditunjukkan dengan pengakuan beliau juga raja seperti Brooke iaitu Raja Darat.<sup>12</sup>

Keadaan sama juga berlaku pada tahun 1894 ke atas Mat Salleh apabila beliau enggan berjumpa dengan polis yang dihantar kerana kes pembunuhan dua pedagang Dayak di Sugut. Beliau bersama pengikutnya pada tahun 1895 menuntut penjelasan daripada SBUB di Sandakan tentang tindakan pihak SBUB meluaskan kuasanya di kawasan beliau. Namun Mat Salleh dianggap sebagai penjenayah dan telah diperangi.<sup>13</sup>

Akibatnya Mat Salleh perlu mempertahankan kedudukannya yang membawa kepada pemberontakan terhadap SBUB. Namun demikian Mat Salleh seorang yang pencinta kedamaian dan bersetuju untuk berunding dengan pihak SBUB. Walaupun rundingan itu berjaya mencapai kata sepakat tetapi pihak SBUB mencurigai Mat Salleh dengan membina balai polis di Tambunan. Demi mempertahankan maruah beliau dan mematuhi perjanjian awal dengan SBUB meletus semula pertembungan antara beliau dengan SBUB. Walaupun beliau terbunuh pada Februari 1900 tetapi pengikutnya meneruskan pemberontakan seperti Mat Sator, Santara, Timus dan Kumanta.<sup>14</sup>

Sikap sabar dan diplomasi pula diamalkan oleh Sharif Masahor. Beliau pernah disingkirkan jawatan gabenor Sarikei oleh Brooke pada tahun 1855.<sup>15</sup> Namun beliau tetap sabar dan memerhati gerak-geri pihak kerajaan Brooke. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk menundukkan pihak kerajaan Brooke dengan berpakat dengan Dato Patinggi Abdul Ghapur. Kedua-dua tokoh ini melihat pemerintahan Brooke sebagai satu usaha melemahkan dan menyingkir pemerintahan tempatan di Sarawak. Apabila motif mereka diketahui, Dato Patinggi Abdul Ghapur dibuang ke Singapura, manakala Sharif Masahor mempertahankan Mukah daripada penguasaan Brooke.

Dalam mempertahankan hak kekuasaannya jelas berlaku ke atas penentangan Panglima Samah pada tahun 1884 yang mempertahankan hak beliau keatas kutipan hasil dari Gua Gomantong. Beliau terpaksa berdepan dengan pihak SBUB yang mahu mengambil hak beliau di gua tersebut. Akhirnya rebah dengan tiga peluru mengenai badannya.<sup>16</sup>

Tindak tanduk SBUB selanjutnya memperkenalkan pelbagai undang-undang yang berlawanan dengan adat resam penduduk tempatan juga melanggar kebebasan yang penduduk tempatan di pedalaman Sabah seperti Keningau, Tenom, Pensiangan dan Rundum. Undang-undang yang melanggar adat penduduk

---

<sup>11</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke: Monarch of All He Surveye*, Oxford University Press, Oxford, 1978, hlm. 31-32.

<sup>12</sup> S. Baring-Gould and C. A. Bampfylde, *A History of Sarawak*, hlm.188.

<sup>13</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, hlm,249-250.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm.236 – 237 dan 260.

<sup>15</sup> Robert Pringle, *Rajah and Rebels: The Iban of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*, hlm.113.

<sup>16</sup> The North Borneo Herald, 1<sup>st</sup> March 1884, hlm.3-4.

pedalaman ini termasuk cukai atas tapai, melarang pemotongan pokok dan membuat jalan di tanah perkuburan penduduk tempatan.<sup>17</sup> Tambahan daripada itu SBUB memaksa pemuda Murut sebagai buruh paksaan. Dasar yang tidak prihatin pihak SBUB ini menyebabkan meletuskan Pemberontakan Rundum diketuai oleh Antenom.

Perjuangan perngkat awal ini menunjukkan adanya usaha-usaha mempertahankan kemerdekaan penduduk tempatan daripada penjajahan kuasa asing. Mereka memilih perang sebagai alternatif bagi melawan penjajahan ini. Walaupun mereka mengalami kekalahan namun jiwa ingin merdeka dalam kalangan pemimpin ini menunjukkan bahawa semangat patriotisme mereka kental walaupun dipaksa di hujung senjata. Manakala perubahan zaman mengubah bentuk tuntutan dan cara mereka mendapatkan hak mereka semula. Hal ini berlaku apabila dua wilayah ini mengalami pemodenan menerusi acuan barat yang membawa pelbagai lagi medium mereka untuk menyuarakan hak penduduk tempatan.

### **Kesedaran Sosio-ekonomi**

Abad ke-20 menyaksikan perubahan berlaku keatas kedua-dua wilayah ini dengan perkembangan pentadbiran Barat, pengenalan ekonomi komersial, kemunculan sistem komunikasi moden, pembangunan pendidikan, kedatangan buruh asing dan kemunculan kemudahan rekreasi baharu. Perkembangan ini mengubah pemikiran sebilangan rakyat tempatan dengan penerimaan elemen-elemen baharu dalam memikirkan kehidupan anak watan. Di Sarawak telah muncul golongan menengah terdiri daripada Mohd. Rakawi Yusof, Tuan Haji Abdul Rahman dan Johari Anang.<sup>18</sup> Golongan ini mula membina satu prespektif baharu dalam menyedarkan penduduk bumiputera terutama orang Melayu tentang masalah mereka yang ketinggalan dalam kemajuan di Sarawak.

Pemikiran golongan menengah di Sarawak ini dikongsi dan disebarikan menerusi penerbitan surat khabar berbahasa Melayu pertama di Sarawak iaitu Fajar Sarawak.<sup>19</sup> Idea-idea dalam surat khabar pertama ini bukanlah menuntut kemerdekaan tetapi menuntut perubahan kepada orang Melayu untuk bersama-sama mencapai kemajuan.<sup>20</sup> Idea-idea kemajuan yang disarankan mereka ini membawa kepada cadangan penubuhan sebuah persatuan Melayu. Harapan mereka persatuan ini akan dapat membantu kemajuan orang Melayu agar lebih tersusun dan kemas. Oleh itu Persatuan Melayu Sarawak (PMS) ditubuhkan pada 10 Oktober 1939.<sup>21</sup>

---

<sup>17</sup> I. D. Black, 'Native Administration by the British North Borneo Chartered Company, 1878-1915', Thesis of Doctor of Philosophy the Australian National University, 1970, hlm.437.

<sup>18</sup> Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, hlm.23.

<sup>19</sup> Phillip Lee Thomas, *Fajar Sarawak: Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm.vii.

<sup>20</sup> Ibid., hlm.5.

<sup>21</sup> Ahmad bin Sabu, Mohd. Zain bin Abang Ismail dan Samsol bin Morshidi Bujang, *Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak: 80 Tahun Meniti Waktu*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 2020, hlm.6.

Di Sabah pula keadaannya berbeza dengan Sarawak kerana perkembangan pendidikan yang kurang pesat membawa kepada kekosongan dalam kemunculan golongan menengah. Keadaan ini tidak bermakna bahawa mereka tidak mempunyai idea untuk pembangunan masyarakat Sabah ketika itu. Dalam hal ini peranan Ketua Anak Negeri (KAN) yang penting dalam menyuarakan isu-isu masyarakat kepada pihak kerajaan SBUB. Penubuhan Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri menjadi medan utama KAN ini menyuarakan masalah rakyat. Hal ini boleh dilihat dengan saranan mereka untuk meminta agar bahasa Inggeris diajar di sekolah venarkular, memberi pendidikan kepada kanak-kanak dan wanita, hutang penduduk bumiputera dan pengurangan cukai keatas penduduk tempatan.<sup>22</sup>

Manakala cawangan Persatuan Sahabat Pena (PASPAM) di Sarawak dan Sabah pula lebih kepada membantu meningkatkan kesedaran sosio budaya masyarakatnya. Oleh itu diadakan sesi untuk bertukar-tukar pendapat tentang bahasa dan kesusasteraan antara ahlinya. Majlis-majlis ceramah juga dibuat untuk mengadakan perbincangan sesama ahli bagi mengukuhkan persaudaraan antara ahlinya. Di Sarawak persatuan ini ditubuhkan oleh Rakawi Yusof yang mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Melayu Singapura.<sup>23</sup> Manakala di Sabah agak lewat iaitu pada tahun 1939. Hubungan antara cawangan PASPAM Brunei dan Sabah juga wujud apabila ada kunjungan PASPAM Brunei iaitu Mohd. Zain Wali yang menghadiahkan sebuah novel Melayu kepada PASPAM Tawau.<sup>24</sup> Semangat yang cuba dibina pada awal abad ke-20 ini tidak berkekalan apabila ia terganggu dengan meletusnya Perang Dunia Kedua. Kedua-dua wilayah ini menjadi wilayah yang ditakluk oleh Jepun bersama dengan saudara mereka di Asia Tenggara.<sup>25</sup>

## Menentang Kekejaman

Kehadiran Jepun mencetuskan semula gerakan pembebasan menggunakan senjata di kedua-dua wilayah tersebut. Ini kerana kezaliman tentera Jepun secara fizikal dan mental membawa rasa kurang senang penduduk tempatan. Ini kerana Jepun melakukan penangkapan dan penyiksaan kepada pihak yang disyaki menentang mereka terutama orang Cina.<sup>26</sup> Ada juga mereka dipaksa menjadi buruh paksaan untuk membaik pulih dan membina kemudahan kerajaan.<sup>27</sup> Ada kalanya bekalan

---

<sup>22</sup> Sabihah Osman, "Pentadbiran Peribumi Sabah 1881-1941", Kajian Etnografi Sabah Jilid 9, hlm.39-40.

<sup>23</sup> Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuang Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, h.17.

<sup>24</sup> Sabihah Osman, "Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah", Jurnal Kinabalu, Bil.14, 2008, hlm.3.

<sup>25</sup> WO106/4661 Account of the Japanese Invasion of Sarawak, and our journey through Borneo and Dutch East India to Australia and India.

<sup>26</sup> Stephen R. Evans, *Sabah: Under The Rising Sun Government*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2007, hlm.61-69.

<sup>27</sup> Ooi Keat Gin, *Rising Sun Over Borneo: The Japanese Occupation of Sarawak, 1941-1945*, London: Macmillan Press Ltd., hlm.57.

makanan penduduk tempatan juga dirampas oleh pihak tentera Jepun.<sup>28</sup> Akibatnya timbul rasa ingin bebas daripada kekejaman tentera Jepun.

Manakala mata-mata iaitu Jikeidan dan Kyodohei yang diwujudkan oleh Jepun juga tidak dapat mengekang semangat penduduk tempatan melawan Jepun. Mereka merasa tertekan bukan setakat fizikal malahan mengalami kekurangan makanan dan pakaian.<sup>29</sup> Pusat gerakan penentangan kepada Jepun ini adalah di Sabah. Berdekatan dengan Kepulauan Filipina membolehkan gerakan ini bergerak dengan aktif.

Salah satu daripada gerakan penentangan ini digerakkan oleh seorang anak muda kelahiran Kuching iaitu Albert Kwok. Beliau yang berkhidmat di Jesselton (Kota Kinabalu) telah mengumpul pengikutnya untuk melancarkan gerakan mengalahkan Jepun. Akhirnya dalam serangan mengejut pada 9 Oktober maka Jesselton ditawan.<sup>30</sup> Walaupun usaha pembebasan ke atas Jesselton ini tidak panjang kerana Jepun berjaya menawan ia semula tetapi ia menunjukkan semangat merdeka kuat dalam kalangan penentang ini. Gerakan anti Jepun ini tidak mati di satu sahaja tetapi berterusan dengan peranan beberapa lagi tokoh perjuang Sabah seperti Tun Mustapha, O.T. Panglima Ali, OKK Mohamad Yassin, Leftenen Korom bin OKK Enduat, Sarjan Mejar Sagunting, Sarjan Abin dan Jules Stephen.<sup>31</sup> Tun Mustapha paling terkesan atas kekejaman Jepun ini apabila adik beliau sendiri dibunuh oleh tentera Jepun.<sup>32</sup>

Penentangan Jepun berterusan pada April 1945 apabila orang Iban di Sarawak juga melakukan serangan ke atas garrison tentera Jepun di Engkelili. Gerakan ini diketuai oleh Penghulu Ulin yang membawa anak buahnya menyerang kedudukan tentera Jepun tersebut.<sup>33</sup> Melihat keadaan ini pihak British menggunakan peluang semangat penduduk tempatan anti-Jepun untuk menundukkan tentera Jepun di dua wilayah ini. Hal ini dilihat dengan operasi Semut digerakkan oleh tentera Australia di kawasan pedalaman. Operasi ini mendapat sokongan daripada orang Kayan, Kenyah dan Murut. Kemudian disertai oleh orang Iban dan Cina.<sup>34</sup> Di bawah operasi Semut 3 yang diketuai oleh Major Bill Sochon mengetuai seramai 500 gerila Iban untuk menawan Lembah Rajang.<sup>35</sup> Akibatnya beberapa kedudukan penting Jepun telah diserang dan salah satunya adalah di Balai Polis Kapit.<sup>36</sup> Keadaan serupa juga di Sabah apabila tentera Australia menggunakan operasi Agas dengan dibantu

---

<sup>28</sup> Julitta Lim Shau Hua, *Pussy's in the well, Japanese Occupation of Sarawak 1941-1945*, Kuching: Research and Resource Centre, SUPP Headquarters, 2005, hlm.284.

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm.282.

<sup>30</sup> Stephen R. Evans, *Sabah: Under The Rising Sun Government*, hlm.50-60 dan Julitta Lim Shau Hua, *Pussy's in the well, Japanese Occupation of Sarawak 1941-1945*, hlm.329.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm.77.

<sup>32</sup> Md. Saffie Abdul Rahim, "Penglibatan Masyarakat Peribumi dalam Gerakan Anti-Jepun di Sabah (1941-1945)," Eko Prayitno joko (Penyelenggara), *Deskripsi Mengenai Sabah Daripada Pelbagai Perspektif: Esei-esei Sumbangsih Untuk Sabihah Osman*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2018, hlm.99.

<sup>33</sup> R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, 149.

<sup>34</sup> Ooi Keat Gin, *Rising Sun Over Borneo: The Japanese Occupation of Sarawak, 1941-1945*, hlm.90.

<sup>35</sup> Julitta Lim Shau Hua, *Pussy's in the well, Japanese Occupation of Sarawak 1941-1945*, hlm.347.

<sup>36</sup> Vinson H. Sutlive Jr, *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1992, hlm.111.

perjuang tempatan melawan Jepun. Mereka mula mencari dan menjalin hubungan dengan penduduk tempatan.<sup>37</sup> Hubungan ini membantu kelancaran usaha melawan Jepun dan menawan semula dua wilayah ini daripada tangan tentera Jepun.

### **Bangkitnya Perjuangan**

Keadaan selepas perang menunjukkan perubahan kepada status kedua-dua wilayah ini. British mengambil keputusan untuk mengambil kedua-dua wilayah ini sebagai tanah jajahan mahkota.<sup>38</sup> Reaksi kepada tindak-tanduk British ini disambut dengan keadaan berbeza antara dua wilayah ini. Di Sarawak perubahan status itu disambut dengan reaksi menentang oleh sebahagian besar penduduk tempatan.

Dalam hal ini pemimpin yang selama ini mendukung pemerintahan Brooke mula membantah penyerahan ini. Oleh itu mereka mahu pemerintahan Brooke kembali memerintah Sarawak. Jikalau Raja Vyner Brooke tidak mahu memegang kuasa semula maka mereka menuntut dua pilihan iaitu menyerahkah takhta kerajaan ini kepada Anthony Brooke atau menyerahkan kepada keturunan Datu Patinggi Abang Abdillah.

Kumpulan ini dipimpin oleh PMS. Mereka melakukan beberapa tindakan untuk membantah penyerahan ini seperti mengundi untuk tidak menyokong penyerahan menerusi pengundian di Council Negeri, demonstrasi dan rapat raksaksa serta kempen-kempen ke kampung-kampung.<sup>39</sup> Erti kemerdekaan dalam perjuangan mereka ini adalah mengembalikan status Sarawak sebelum perang yang mana Sarawak telah diiktiraf oleh kuasa luar sebagai sebuah negara bebas dan berdaulat. Selain daripada PMS ini terdapat juga 52 buah pertubuhan Melayu-Melanau lain yang menentang penyerahan.<sup>40</sup> Turut menyertai bantahan ini ialah sebuah persatuan Dayak iaitu Sarawak Dayak Association.<sup>41</sup>

Manakala di Lembah Sungai Rajang pula muncul juga kumpulan yang menentang penyerahan. Mereka ini terdiri daripada Pergerakan Pemuda Melayu (PPM). Mereka juga menjalankan aktiviti kumpulan penerangan di kampung-kampung di Bahagian Ketiga.<sup>42</sup> Terdapat lain pandangan antara mereka dengan PMS berkenaan dengan gerakan tersebut dan soal kemerdekaan. Ini kerana PPM mengambil pendekatan kebangsaan merdeka. Pandangan kedua-dua kumpulan ini menunjukkan terdapat perbezaan dalam membicarakan soal kemerdekaan. Usaha-usaha PPM dalam hal ini berubah dari lebih aman kepada kekerasan. Oleh itu ada rancangan pembunuhan

---

<sup>37</sup> A3269, A1/A Agas 1 Preliminary Operation Report covering Period from 24 Feb to 31 May 45.

<sup>38</sup> FO371/54725 Parliamentary Statement by the Secretary of State for the Colonies on 22<sup>nd</sup> May, 1946.

<sup>39</sup> Ahmad bin Sabu, Mohd. Zain bin Abang Ismail dan Samsol bin Morshidi Bujang, *Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak: 80 Tahun Meniti Waktu*, hlm.58-59.

<sup>40</sup> Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2010, hlm.63.

<sup>41</sup> FCO141/12342 Letter from Abg Hj Zainie to Sir Charles Noble Arden Clarke, Kuching, Sarawak, 14<sup>th</sup> December 1947.

<sup>42</sup> Loji Roji Saibi, *Peristiwa Berdarah 1949 di Sibul: Pejuang yang tidak didendang*, Kuching: Konsultant Minda Interaktif, 2018, hlm.16-17.

ke atas pegawai-pegawai berbangsa Barat. Usaha ini mencapai kemuncaknya apabila berlaku pembunuhan ke atas Gabenor Duncan Stewart.<sup>43</sup>

Manakala di Sabah pula protes yang berlaku di Sarawak tidak wujud. Ini kerana kesedaran politik belum lagi mendalam menyebabkan tiadanya usaha menentang berlaku tetapi pada era ini mula berputik bibit-bibit kesedaran politik. Pengaruh luar Sabah terutama dari Tanah Melayu mula meresap masuk dan mula mempengaruhi gerakan kesedaran politik di Sabah. Ketika itu munculnya beberapa persatuan bersifat politik yang mula menyedarkan masyarakat Sabah untuk bersatu-padu dan berjuang untuk membela nasib kepentingan rakyat.

Persatuan-persatuan ini termasuklah Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML), Parti Kebangsaan Melayu Jesselton (PKMJ) dan Barisan Pemuda Society (BARIP).<sup>44</sup> Dalam hal ini perjuangan pertubuhan-pertubuhan ini adalah cuba membela nasib bangsa Sabah. Dalam satu ucapan Yang di-Pertuan PKML, Tengku Nordin menyeru agar pemuda pemudi Melayu bersatu padu agar tidak ditindas oleh bangsa asing.<sup>45</sup> Konsep Melayu digunakan sebagai salah satu identiti perjuangan penduduk Sabah.<sup>46</sup> Namun British mencurigai persatuan ini dan telah memindah pemimpinnya iaitu Tengku Nordin dan Zakaria Gunn ke Jesselton. Di sana pula kedua-dua tokoh penting ini menubuh PKMJ. Tetapi semangat mereka ini tidak kekal lama kerana persatuan ini seperti sebelumnya memuji perjuangan pemimpin Indonesia iaitu Sukarno dan Hatta.<sup>47</sup> Oleh itu pemimpin PKMJ juga dibuang ke beberapa lagi kawasan di Sabah. Semangat kebangsaan dalam kalangan penduduk Sabah ini juga digerakkan oleh BARIP pula. BARIP juga mempunyai cita-cita sama dengan PKML dan PKMJ iaitu menyatukan penduduk Sabah daripada ditindas oleh orang asing. BARIP juga mempunyai semangat dan sokongan kuat kepada gerakan kemerdekaan Indonesia. Bagi menyekat perkembangan BARIP maka pemimpin mereka juga dipindahkan.<sup>48</sup>

Penindasan secara nyata dan sulit oleh pemerintah British ini berjaya melemahkan pergerakan politik di dua wilayah tersebut. PKMS misalnya selepas pembunuhan Stewart menjadi tidak aktif sehingga 1957. Manakala pergerakan berpersatuan atau kelab yang wujud adalah persatuan sosial seperti Dayak Bidayuh National Organisation (DBNA). Manakala SDA menukar peranannya dari bersifat politik kepada sosial. Keadaan sama juga berlaku di Sabah apabila PKML, PKMJ dan BARIP tidak lagi aktif maka tumbuh beberapa persatuan dan kelab kebajikan. Khairat Jumaat Muslimin yang ditubuhkan di Jesselton pada tahun 1948. Selepas itu muncul pula Persatuan Islam Wallace Bay (1953), Persatuan Islam Tawau (1955) Pergaulan Ikhwanul Al-Muslimin (1957), Angkatan Gaya Baru (AGABA-1947) dan Kadazan Youth Association (1958).<sup>49</sup>

---

<sup>43</sup> FCO141/12413 Telegram from Resident Sibu, 3.12.49.

<sup>44</sup> Eko Prayitno Joko, Zaini Othman dan Saat Awg Damit, *Gerakan Berpolitik Bumiputera Islam di Sabah, (1938-1963)*, Kota Bharu: Kedai Hitam Putih, 2018, hlm.82-83, 90 dan 96.

<sup>45</sup> Sabibah Osman, "Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah", hlm.4.

<sup>46</sup> Eko Prayitno Joko, Zaini Othman dan Saat Awg Damit, *Gerakan Berpolitik Bumiputera Islam di Sabah*, hlm.82.

<sup>47</sup> Sabibah Osman, "Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah", hlm.4.

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Ibid., hlm.5-7.

## Liku-liku Kemerdekaan

Pada tahun 1950-an, British melakukan perubahan-perubahan perlembagaan yang membolehkan kegiatan politik digerakkan dengan kawalan British. Oleh kerana itu beberapa pemimpin di Sarawak dan Sabah mengambil peluang ini untuk menubuhkan parti politik. Di Sarawak keadaan ini dimulakan dengan penubuhan Sarawak United People's Party (SUPP) pada tahun 1959.<sup>50</sup> Selepas itu beberapa buah parti politik muncul seperti Parti Negara Sarawak (PANAS), Sarawak National's Party (SNAP), Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) dan Sarawak Chinese Association (SCA Sarawak).<sup>51</sup> Parti-parti yang muncul ini memperjuangkan masa depan Sarawak terutama untuk kemerdekaan Sarawak.

Di Sabah pula munculnya parti politik terawal iaitu United National Kadazan Organization (UNKO) pada tahun 1961. Kemudiannya beberapa lagi parti politik muncul seperti United Sabah National Organization (USNO), Pasok Momogun dan Sabah Chinese Association (SCA). Parti-parti ini juga mempunyai matlamat sama iaitu untuk mencari jalan dan mengusahakan kemerdekaan bagi negeri Sabah. Walaupun parti-parti politik di kedua-dua wilayah ini mempunyai matlamat sama tetapi cara dan pemikiran berlainan tentang kemerdekaan. SUPP dalam hal ini ingin mencapai kemerdekaan secara secepat mungkin. Manakala PANAS pula mempunyai pandangan bahawa untuk mencapai kemerdekaan perlulah berperingkat-peringkat dan bukannya segera.<sup>52</sup>

## Cadangan Malaysia

Alternatif untuk kedua-dua wilayah ini merdeka mula kelihatan apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkan rancangan Malaysia yang meliputi Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Tanah Melayu. Idea ini bertitik tolak kepada usaha menyelesaikan masalah keselamatan di Singapura dan kebimbangan akan pengaruh komunis Indonesia yang mungkin merebak ke wilayah Borneo yang mengancam keselamatan Tanah Melayu.<sup>53</sup> Pada awalnya, pemimpin di Sarawak dan Sabah ini memandang curiga akan rancangan tersebut. Oleh itu mereka menentang rancangan tersebut. UNKO, SNAP dan Parti Rakyat Brunei (PRB) menubuhkan pakatan yang dikenali sebagai United Front untuk menentang rancangan tersebut. Namun demikian Tunku menggunakan diplomasi untuk menyakinkan pemimpin-pemimpin ini bahawa pembentukan Malaysia adalah baik untuk kedua-dua wilayah ini. Akhirnya hanya SUPP di Sarawak sahaja tidak

---

<sup>50</sup> K. C. Jong, *The Red Rings: Struggle of SUPP, the Chinese dominated political party established in Sarawak on the Island of Borneo*, Kuching: K. J. Kong, 2010, hlm.9-11.

<sup>51</sup> Michael B. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, Kuala Lumpur: Antara Book Company, 1988, hlm.8-38.

<sup>52</sup> Suffian Mansor, "Kegiatan Berparti dan Berpolitik di Sarawak Sebelum Pembentukan Malaysia," *Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil.30, 2011, hlm.147.

<sup>53</sup> Mohd bin Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, Bangi: Penebit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016, hlm.92 – 93.

bersetuju dengan pembentukan Malaysia.<sup>54</sup> Mereka mahukan Sarawak mencapai kemerdekaan dahulu sebelum memikirkan tentang Malaysia.<sup>55</sup>

Di Sabah usaha Peter Chin dan peniaga China di Kota Kinabalu yang bimbang kepada ketidakpastian tentang keuntungan penubuhan Malaysia telah menaja Pasok Momogun untuk mengambil pendirian anti-Malaysia. Tujuannya adalah untuk membolehkan adanya penduduk pribumi yang tidak menyokong Malaysia.<sup>56</sup> Pasok Momogun yang dipimpin oleh G. S. Sundang mahukan Sabah merdeka dahulu. Perjuangan anti-Malaysia parti ini juga mulai kendur apabila peniaga Cina di Kota Kinabalu tidak lagi memberi sokongan kewangan kepada parti tersebut.<sup>57</sup> Akhirnya Pasok Momogun menyertai parti yang pro-Malaysia.

Manakala parti pro Malaysia di Sarawak menubuhkan Perikatan Sarawak. Keadaan serupa juga dengan apa yang berlaku di Sabah apabila Perikatan Sabah dibentuk. Ketua-dua perikatan ini merupakan kumpulan terbesar yang mendapat sokongan pelbagai kaum di dua wilayah tersebut. Malahan mereka juga mendapat sokongan hampir keseluruhan dua wilayah tersebut. Hal ini ditunjukkan dengan kemenangan kedua-dua perikatan ini dalam pilihan raya pada tahun 1963. Pilihan raya 1963 memberi makna besar persetujuan rakyat di dua wilayah ini untuk merdeka dalam Malaysia. Walaupun ada sedikit kesukaran kepada Perikatan Sarawak untuk memenangi majoriti dalam pilihan raya itu tetapi sokongan calon bebas yang menang di Bahagian Ketiga membolehkan Perikatan Sarawak membentuk kerajaan pada 22 Julai 1963.<sup>58</sup> Keadaan di Sabah pula agak berbeza kerana ketiadaan parti yang anti-Malaysia membolehkan mereka menguasai Dewan Undangan Negeri Sabah. Perikatan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya tersebut yang menyenangkan perikatan itu untuk membentuk kerajaan pada 31 Ogos 1963.<sup>59</sup>

Sebelum itu Perjanjian Malaysia telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London. Kedua-dua wilayah diwakili oleh pemimpin masing-masing selain daripada pegawai British. Bagi Sarawak, mereka yang menandatangani adalah Temenggung Jugah, Abang Mustapha, Abang Openg, Ling Beng Siew dan P. E. H. Pike. Untuk Sabah pula ditandatangani oleh Datu Mustapha, Donald Stephen, Khoo Siak Chiew, G. S. Sundang, W. K. H. Jones dan W. H. Holley. Menurut perkara 4 dalam perjanjian itu menyatakan British bersetuju mengembalikan kedaulatan dan kuasa perundangan kepada kedua-dua wilayah ini sebagai sebuah negara merdeka. Manakala Perkara 2 menyatakan bahawa Malaysia akan dibentuk pada 31 Ogos 1963.

---

<sup>54</sup> CO1030/1604 Aide Memoire submitted to Mr. Narasisahan, Representative of the United Nations on 17<sup>th</sup> April 1963 at Kuching.

<sup>55</sup> K. C. Jong, *The Red Rings: Struggle of SUPP, the Chinese dominated political party established in Sarawak on the Island of Borneo*, hlm.58.

<sup>56</sup> Margaret Clark Roff, *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm.59-60.

<sup>57</sup> Herman J. Luping, *Sabah's Dilemma: The Political History of Sabah, 1960-1994*, Kuala Lumpur: Magnus Books, 1994, hlm.120.

<sup>58</sup> Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm.77-78.

<sup>59</sup> Margaret Clark Roff, *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*, hlm.91-92.

Namun demikian perubahan berlaku kepada tarikh penubuhan Malaysia yang menyebabkan pindaan kepada perjanjian ini ditandatangani semula. Perjanjian ini dtandatangani semula pada 28 Ogos 1963 di Singapura dengan semua wakil pihak terlibat bersetuju atas pindaan tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 16 September 1963. Sarawak telah diwakili oleh Stephen Kalong Ningkan dan Sabah pula oleh Donald Stephen.

### *Pemberontakan Brunei*

Dalam masa kerancangan sokongan kepada rancangan Malaysia dibincangkan juga, di utara Sarawak berdekatan dengan Brunei terdapat pula kumpulan yang mempunyai alternatif lain untuk merdeka. Pembentukan Malaysia mencetus reaksi sesetengah penduduk Limbang untuk menyertai Brunei daripada Sarawak dalam pembentukan Malaysia.<sup>60</sup> Tambahan lagi adanya cita-cita besar pemimpin PRB untuk mengutara alternatif lain bagi kemerdekaan untuk penduduk Brunei, Sarawak dan Sabah. Idea PRB ini ialah untuk membentuk sebuah persekutuan merangkumi tiga wilayah ini yang dinamakan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU).<sup>61</sup> Malahan PRB telah mempunyai cawangannya di utara Sarawak sebelum diharamkan oleh kerajaan British. Namun mereka bergerak secara sulit menerusi Barisan Pemuda Sarawak (BPS).<sup>62</sup>

Usaha ini membawa kepada peristiwa berdarah di Brunei termasuk juga di Sarawak dan Sabah. Peristiwa berdarah yang berlaku di penghujung tahun 1962 mengejutkan semua pihak kerana ia dilakukan secara sulit walaupun pihak kerajaan British mengesyaki adanya rancangan ini. Pemberontakan ini berlaku di Brunei dan merebak pula ke beberapa tempat di Sarawak seperti di Bekenu, Limbang dan Lawas.<sup>63</sup> Manakala kekacauan ini juga merebal sampai ke Weston di Sabah.<sup>64</sup> Namun demikian gerakan ini tidak menggagalkan usaha pembentukan Malaysia. Malahan pihak British berjaya melumpuhkan gerakan pemberontakan yang dikenali NKKU itu.

Sementara itu di Sabah, pemberontakan ini dikecam oleh Perikatan Sabah. Mereka menafikan bahawa kenyataan A. M. Azhari mendapat sokongan besar rakyat Sabah.<sup>65</sup> Di Sarawak, PANAS dibawah pimpinan Abang Mustapha juga mengambil pendirian sama dan menyatakan mereka tidak menyokong pemberontakan tersebut.<sup>66</sup> Hal ini dirakam dalam ucapan beliau dalam Council Negeri yang

---

<sup>60</sup> Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor dan Mohd Bin Samsudin, "Reaksi Masyarakat Limbang Terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962," *Akademika* 89(1), April 2019, hlm.169. Idea untuk mengembalikan Limbang kepada Brunei didukung dua orang pemimpin masyarakat di Limbang iaitu Awang Aming Bin Bakir dan Haji Ali Ismail.

<sup>61</sup> Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Hakiq, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm.184.

<sup>62</sup> Said Bin Mohidin, *Pemberontakan Di Brunei 1962: Sabah dan Sarawak terkena tempias*, Limbang: Haji Said bin Haji Mohidin, 2010, hlm.40 dan 93.

<sup>63</sup> *Ibid.*, hlm.46 dan 120.

<sup>64</sup> *Berita Harian*, 10 Disember 1962, hlm.5.

<sup>65</sup> *Berita Harian*, 12 Disember 1963, hlm.5.

<sup>66</sup> *Sarawak by The Week*, 30 Disember-5 Januari, 1963, No.1/63, h.27.

memohon agar dewan tersebut membantah kejadian pemberontakan tersebut, "Dewan ini tanpa syarat menchela pemberontakan bersenjata dalam negeri Brunei dan penyerbuan serta penguasaan yang di-lakukan oleh pemberontak2 itu terhadap wilayah Sarawak dan menolak dengan sa-kuat2nya da'awaan Azahari untuk bersuara bagi pehak ra'ayat Sarawak".<sup>67</sup> Di Sabah, Datu Mustapha daripada USNO menyatakan hal ini dalam Dewan Undangan Negeri Sabah seperti berikut:

. . . be resolved that this house condemns the action of A. M. Azahari and his conspirators of Party Ra'ayat and the so-called Tentera Nasional Kalimantan Utara for rebellion in Brunei and border areas of Sabah and Sarawak and that this House denounces as barefaced lies the statements made by Azahari that he is Prime Minister of Sabah and that he has the support of the people of Sabah."<sup>68</sup>

### *Bantahan Negara Jiran*

Manakala bantahan Indonesia dan Filipina kemudiannya menjadi cabaran bagi pembentukan Malaysia. Bantahan daripada dua negara jiran itu tidak mematikan semangat merdeka penduduk Sarawak dan Sabah dalam pembentukan Malaysia. Hal ini ditunjukkan dengan laporan Suruhanjaya Cobbold yang ditubuh pada tahun 1962 yang menunjukkan 2/3 penduduk Sarawak dan Sabah menyokong Malaysia. Namun Indonesia dan Filipina tidak berganjak dengan dasar mereka tidak menyokong rancangan Malaysia.

Tunku mengambil pendekatan diplomasi untuk menghadiri sidang kemuncak di Manila bersama Presiden Sukarno (Indonesia) dan Presiden Macapagal (Filipina) pada 30 Julai - 5 Ogos 1963. Akhir persidangan ini melahirkan Manila Accord bagi memberi ruang kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjalankan siasatan di Sarawak dan Sabah. Persetujuan Manila ini menjadi kayu ukur bagi mengesahkan sokongan rakyat di kedua-dua wilayah ini untuk merdeka dalam Malaysia.<sup>69</sup>

Pada 12 Ogos 1963 Setiausaha PBB, U Thant bersetuju membentuk United Nation Malaysia Mission (UNMM) diketuai oleh Laurance Michelmore dari Amerika Syarikat, George Jeneck dari Chekoslovakia serta wakil-wakil daripada Argentina, Brazil, Ceylon, Pakistan, Jepun dan Republik Arab Bersatu.<sup>70</sup> Namun demikian pemimpin Sarawak dan Sabah membantah langkah ini dijalankan kerana mahukan Malaysia diisytiharkan pada 31 Ogos 1963.<sup>71</sup> Hal ini ditegaskan dalam rundingan Donald Stephen, Stephen Kalong Ningkan dan Lee Kuan Yew serta James Wong. Dalam rundingan tersebut Donald Stephen menyatakan, "Kami akan chuba mempengaruhi

<sup>67</sup> Berita Harian, 13 Disember 1962, hlm.1.

<sup>68</sup> The Straits Times, 13 December 1962, hlm.8.

<sup>69</sup> A1838, 915/8 Part 1, Message to Secretary-General From Foreign Ministers of Malaya, Indonesia and Philippines, Press Release SG/1559, 5 August 1963.

<sup>70</sup> Mohd. Noor Bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm.89.

<sup>71</sup> Sarawak Tribune, 7 August 1963, hlm.1 dan Berita Harian, 13 Ogos 1963, hlm.5.

Tengku supaya menyertai keputusan ketiga2 negara kami-Sabah, Sarawak dan Singapura-untuk mengistiharkan Malaysia pada 31 August."<sup>72</sup> Salah seorang pemimpin PESAKA iaitu Penghulu Jinggut yang melawat Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan Tunku menyatakan bahawa,

Ra'ayat Sarawak telah pun menyatakan hasrat mereka dalam pilihan2 raya baru lalu bahawa mereka mendukung Malaysia. Dan mereka mahu Malaysia lahir pada 31 August sabagimana yang telah di-jadualkan. Kami mahu Merdeka dengan jalan menyertai Malaysia.<sup>73</sup>

Namun demikian Tunku tidak mempunyai banyak pilihan dan bersetuju untuk menerima siasatan dibuat oleh UNMM. Dalam tinjauan itu juga penduduk Sandakan membantah siasatan ini dengan mengadakan mogok.<sup>74</sup> Apa yang menariknya tinjauan di Sabah adalah tentang reaksi positif tentang Malaysia. Di Kota Kinabalu misalnya banyak poster menyokong Malaysia di kenderaan apabila menyambut kedatangan UNMM yang antara lain berbunyi, "Bangsa2 Bersatu-jangan menangguhkan Malaysia", "Kami mahu Tengku tidak mahu Sukarno", "Kami tidak mahu Demokrasi Terpimpin di-sini", "Harap beritahu Indonesia, jangan ganggu kami".<sup>75</sup>

Di Sandakan pula menunjukkan poster anti-Indonesia ditampal di mahkamah yang menyebut "Indonesia jangan ganggu Sabah. Kami Mahu Malaysia," "Kami mahu Malaysia: Jangan Sukarno champor tangan", "Tengku yes, Sukarno no" dan "Kami tidak menyambut ketibaan wakil2 pemerhati dari Indonesia dan Filipina".<sup>76</sup> Di Sarawak pula berlaku sedikit rusuhan kecil di Kuching yang dikatakan ada kaitan dengan pihak komunis. Mereka ini menampal poster anti-Malaysia di sepanjang jalan ke Bau dan Serian.<sup>77</sup> Hasil laporan UNMM juga memberi petanda bahawa Malaysia diterima oleh penduduk kedua-dua wilayah ini sebagai jalan membebaskan mereka daripada penjajahan British.

Namun demikian Indonesia dan Filipina tetap membantah. Indonesia mengambil jalan kekerasan iaitu konfrantasi untuk mengagalkan rancangan Malaysia. Mereka mengambil langkah itu apabila pada 13 Februari 1963 Sukarno iaitu presiden Indonesia mengisytiharkan konfrantasi. Sukarno menganggap pembentukan Malaysia sebagai usaha menyelamatkan kepentingan British.<sup>78</sup> Indonesia juga dikatakan di sebalik penubuhan Front Pemberontakan Rakyat Sabah yang telah melakukan aktiviti pembunuhan di Sabah.<sup>79</sup> Pencerobohan juga dilakukan ke atas sempadan Sabah.<sup>80</sup>

---

<sup>72</sup> Berita Harian, 23 August 1963, hlm.1.

<sup>73</sup> Berita Harian, 9 August 1963, hlm.1.

<sup>74</sup> Berita Harian, 11 September 1963, hlm.1.

<sup>75</sup> Berita Harian, 20 Ogos 1963, hlm.1.

<sup>76</sup> Berita Harian, 3 September 1963, hlm.1.

<sup>77</sup> Ibid.

<sup>78</sup> Mohd. Noor Bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*, hlm.69.

<sup>79</sup> Berita Harian, 21 Disember 1963, hlm.1.

<sup>80</sup> Ibid.

Manakala Filipina lebih kepada protes diplomatik kepada kerajaan Malaysia. Bantahan Filipina ini lebih kepada pengakuan mereka bahawa Sabah adalah wilayah mereka. Ia bermula apabila Tunku mengumumkan rancangan Malaysia yang membawa kepada waris Sultan Sulu iaitu Putri Tarhata Kiram pada 2 Februari 1962 merayu kerajaan Filipina menyokong tuntutan mereka ke atas Sabah.<sup>81</sup> Satu perjanjian antara Kesultanan Sulu dengan kerajaan Filipina dibuat untuk membolehkan kerajaan Filipina memperjuangkan hak Kesultanan Sulu kerana Sultan Sulu adalah rakyat Filipina.<sup>82</sup> Tuntutan Filipina ini disangkal oleh pemimpin Sabah. Malahan mereka tidak setuju dengan dasar konfrantasi Indonesia.<sup>83</sup> Manakala salah seorang Menteri Sabah iaitu Harris Mohammad Salleh menegaskan bahawa penyertaan Sabah dalam pembentukan Malaysia adalah kehendak rakyat Sabah sendiri. Oleh itu beliau menyatakan bahawa tidak timbul soal paksaan. Penyertaan ini juga bertujuan untuk mengekang pengaruh komunis datang ke Sabah.<sup>84</sup>

Liku-liku jalan menuju kemerdekaan bagi kedua-dua wilayah ini akhirnya tercapai apabila Tunku menyatakan bahawa tarikh 16 September 1963 sebagai tarikh penubuhan Malaysia. Beliau bertegas bahawa tarikh tersebut tidak akan dijanjikan lagi walaupun ada bantahan daripada Indonesia. Beliau berkata bahawa, "Kita telah menanggohkan sa-kali dulu untuk memuaskan mereka dan kita tidak boleh menanggohkan sa-kali lagi. Malaysia telah di-persetujui oleh semua pihak dan mesti-lah di-teruskan. Kali ini kita tidak akan menanggohkan lagi Malaysia".<sup>85</sup> Janji Tunku ini dikotakan apabila Sarawak dan Sabah mengisytiharkan Malaysia pada tarikh tersebut.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya semangat untuk bebas daripada kongkongan kuasa asing telah muncul sejak kedatangan kuasa asing di dua wilayah ini. Usaha kuasa asing menguasai dan mengatur kehidupan serta mengambil hasil bumi menyebabkan muncul pelbagai kebangkitan tempatan yang tidak mendapat layanan yang adil. Kuasa Barat menggunakan segala macam taktik untuk menundukkan penentangan yang cuba menjaga hak penduduk tempatan ini. Kekuatan senjata dan taktik tipu helah barat ini menyebabkan gerakan penentangan ini beransur surut dan tidak mendatangkan bahaya kepada pihak Barat. Namun api kemerdekaan tetap wujud dalam kalangan penduduk tempatan dengan menjalankan pendekatan berbeza.

Mereka pula menerbit akhbar, menubuh persatuan, menjalin hubungan dengan gerakan kesedaran di Tanah Melayu, dan menyuarakan nasib bangsa menerusi majlis-majlis penasihat. Tahap ini memaparkan bagaimana pemimpin tempatan

---

<sup>81</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina Ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Penbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm.65.

<sup>82</sup> Norizan Kadir & Suffian MAnsor, "Reviving the Sultanate of Sulu Through its Claim over Sabah, 1962-1986", *Akademika* 87(3), Oktober 1917, hlm.132.

<sup>83</sup> *Berita Harian*, 23 Mac 1963, hlm.5.

<sup>84</sup> *Berita Harian*, 12 November 1963, hlm.5.

<sup>85</sup> *Berita Harian*, 4 September 1963, hlm.1.

mengambil pendekatan untuk menyemai semangat cintakan bangsa dan tanah air. Pergerakan mereka lebih aman tetapi kadang-kala dicurigai oleh pemerintah Barat. Namun demikian tindakan penindasan keras secara fizikal, moral dan mental semasa Jepun membuatkan penduduk di dua wilayah ini mengerakkan gerakan lebih keras. Senjata sebagai alternatif untuk membebaskan diri mereka dari kongkongan tentera Jepun.

Kembalinya kuasa Barat selepas tamatnya perang membawa lembaran baharu dalam perkembangan semangat merdeka anak Sarawak dan Sabah. Di Sarawak munculnya bantahan aman terhadap penyerahan ini. Tuntutan mereka lebih jelas iaitu merdeka dalam kerangka Brooke dan ada juga merdeka penuh. Akibat sikap tidak peduli pihak penjajah membawa pertumpahan darah di Sibu. Manakala Sabah walaupun tiada bantahan tetapi api patriotisme mula muncul dengan penubuhan pelbagai pertubuhan yang merisaukan penjajah. Akibatnya pertubuhan-pertubuhan ini juga ditekan dan berjaya dijinakkan oleh kuasa Barat.

Tahun 1960-an menyaksikan pelbagai lagi gerakan yang muncul untuk mencapai kemerdekaan untuk kedua-dua wilayah ini. Pertama kemerdekaan secara sendiri cuba dicapai oleh SUPP dan Pasok Momogon. Kedua pula menyokong Malaysia sebagai wadah dalam mencapai hasrat merdeka sepenuhnya. Akhir sekali ada pilihan ketenteraan yang digerakkan di Brunei tetapi berjaya dilenyapkan oleh pihak tentera British. Pilihan kedua menjadi pilihan yang berjaya menjadikan kedua-dua wilayah ini merdeka sehingga ke hari ini.